

**PARLIMEN: Tiada Halangan Wujud IPTS Di Libaran Dan Sandakan
Bernama
1 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Kementerian Pengajian Tinggi tidak menghalang mana-mana syarikat memohon menubuhkan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di kawasan Libaran dan Sandakan, Sabah, Dewan Rakyat diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah berkata sehingga kini belum ada syarikat yang mengemukakan permohonan bagi penubuhan IPTS di kawasan itu.

"Namun kementerian berpandangan jumlah sedia ada masih mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara," katanya di Dewan Rakyat di sini.

Beliau menjawab soalan Datuk Juslie Ajirol (BN-Libaran) yang ingin tahu jika ada kesediaan memberi peruntukan kewangan yang besar di dua kawasan itu bagi menjayakan kawasan berkenaan sebagai hab pendidikan utama Pantai Timur Sabah.

Saifuddin berkata fokus kementerian pada masa ini adalah untuk memperkasa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sedia ada di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698756>